

This document is downloaded from DR-NTU, Nanyang Technological University Library, Singapore.

Title	Penulisan berita
Author(s)	
Citation	Penulisan berita. (1989). In AMIC-CAF Workshop on Rural Reporting (1989 : Malacca). Singapore: Asian Media Information & Communication Centre.
Date	1989
URL	http://hdl.handle.net/10220/427
Rights	

Penulisan Berita

Kursus Wartawan Luar Bandar
Institut Akhbar Malaysia.

PENULISAN BERITA

=====

INTRO ATAU PENDAHULUAN

Intro atau ssebutan sepenuhnya Introduction atau dalam bahasa Melayu disebut PENDAHULUAN ialah merupakan kesimpulan sesuatu berita yang terkandung pada para atau perenggan pertama sesebuah berita.

Intro sesebuah berita dapat menentukan di muka mana berita boleh ditempat atau bila berita itu boleh disiarkan . Dan sering juga berlaku KERANA INTRO sesebuah berita menjadi korban bakal sampah.

Hal ini berlaku atau terjadi kerana pada intro berita itu didapati tidak langkah, salah ejaan dan bahasanya kelamkabut tidak difahami oleh Pengarang Berita atau Penyunting yang ditugaskan untuk menyiarkan berita tersebut.

Akhbar ialah KESUSTERAAN YANG TERGESA-GESA ATAU LITERATURE INI HURRY. Sesuatu berita yang didapat atau ditulis hari ini mesti dihantar juga hari ini untuk disiarkan esok.

Walaupun ia dianggap sebagai KESUSASTERAAN YANG TERGESA-GESA atau LITERATURE INI HURRY, tetapi membuat beritanya atau menulis beritanya mestilah mempunyai peraturan tertentu.atau mempunyai teknik-teknik tertentu yang perlu diketahui dan dipelajari.

SYARAT INTRO

Intro atau penduluan berita pada para pertama hendaklah merangkumi keseluruhan berita yang hendak disampaikan. Oleh kerana orang membaca akhbar tidak membaca seluruh berita itu pada mulanya, ramai yang hanya membaca berita para pertama. maka intro itu mestilah meliputi atau lengkap untuk difahami dan sampai maksudnya.

Maksud lengkap bukanlah berarti bahawa ianya mesti mempunyai unsur-unsur 4w -lh iaitu unsur-unsur what , when,where,who dan how atau apa,bila,dimana, siapa dan bagaimana.

Sesuatu intro itu mestilah sekurang-kurangnya dapat memberitahu kepada pembaca siapa, apa, dimana dan bila.

2.

Misalnya berita berikut ini:

Melaka 15 September/Jumaat - Ketua Menteri Melaka (Siapa) akan merasmikan Persidangan perwakilan UMNO Alor Gajah (Apa) pada 20 September ini (bila) di Dewan Bandaran Alor Gajah (Dimana).

Ada tiga cara menyusun berita yang diamalkan oleh wartawan/pemberita selama ini.

tiga cara itu ialah susunan Piramid terbalik, pyramid biasa dan paralel atau selari.

Cara menyusun berita yang pertama paling digemari sekali oleh para pemberita dan dari segi tekniknya menyenangkan tugas para pengarang atau penyunting berita.

Semua fakta penting untuk susunan berita piramid terbalik diletakkan dibahagian atas atau intro yang dapat dikatakan sebagai KEPALA dan bahagian selepas intro tadi dapat dianggap sebagai badan berita yang menghuraikan fakta lain yang perlu diketahui oleh pembaca.

Cara susunan berita yang kedua ialah piramid biasa dimana puncak atau climax sesuatu kejadian atau berita itu dibahagian bawah susunannya.

Susunan ketiga berita ialah cara paralel atau selari dimana fakta-fakt berita dianggap sama pentingnya.

Seperti yang dikatakan tadi penyusunan berita yang paling digemari sekali ialah penyusunan berita mengikut sistem atau kaedah PIRAMID TERBALIK.

Keadah ini banyak digunakan ialah kerana beberapa faktor antaranya para pembaca tidak sukar mencari mesej atau inti cerita dengan hanya membaca beberapa para sahaja atau dengan membaca para pertama dimana intronya mengandungi fakta penting.

Yang pling penting sekali untuk Pengarang atau penyunting yang bertugas di Ibu Pejabat membuat pengolahan atau tulis semula atau disebut Rewrite sesuatu berita dan mencari tajuk-tajuk atau heading bagi berita itu.

FAKTA PENTING UNTUK DIINGATI

Pertama bahasa hendaklah jelas susuanannya. mudah difaham. Kedua ejaan hendaklah betul dan mengikuti perkembangan. Ketiga ejaan nama orang dan nama tempat hendaklah betul.

Berita yang ditulis³ itu hendaklah berita yang benar, bukan berita yang tidak ada sumber pengesahannya. JANGAN MENULIS BERITA-BERITA KHABAR ANGIN DAN SUMBERNYA TIDAK BERTANGGUNGJAWAB.

Elak menulis berita-berita yang mengandungi unsur komen sendiri. Seperti mengatakan " Seorang pemuda telah dibunuh dengan kejamnya....." kecuali perkataan kejam itu merupakan komen orang lain. Jangan menulis dengan mengatakan " Seorang pemandu lori yang cuai telah melanggar mati seorang budak....."

Jangan mengamalkan penulisan berita " Menurut punca yang mengetahui" atau " Punca yang boleh dipercayai" dan sebagainya. JANGAN MENULIS BERITA YANG TIDAK BERLAKU ATAU BERITA YANG TIDAK BENAR.

BERAPA CONTOH INTRO:

1. Melaka 15 September - Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Abdul Rahim Tamby Chik akan merasmikan persidangan perwakilan UMNO Alor Gajah (Intro SIAPA).

2. Melaka 15 September - Persidangan Perwakilan UMNO Alor Gajah akan dirasmikan oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Abdul Rahim Tamby Chik (Intro APA).

3. Melaka 15 September - Persidangan Perwakilan UMNO Alor Gajah yang akan dirasmikan oleh Ketua Menteri Melaka, datuk Seri Abdul Rahim Tamby Chik dijangka berjalan dalama suasana hangat kerana adanya perebutan beberapa jawatan penting dalam persidangan tersebut (BAGAIMANA).

4. Melaka 15 September - Persidangan perwakilan UMNO Alor Gajah pada 19 september ini dijangka hangat membincangkan satu usul undi tidak percaya terhadap seorang tokoh UMNO Bahagian tersebut (Intro- BILA).

Habis.